



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/07/94 (HQ)

9.1 JUTA PENGGUNA DAPAT MANFAAT DISKAUN BIL ELEKTRIK PEMULIH

- Diskaun berdasarkan jumlah penggunaan bulanan dari 1 Julai – 30 September 2021
- TNB akan pastikan pelaksanaan diskauan berjalan lancar
- Diskaun tertera dalam bil elektrik mulai 15 Julai
- Bagi bil diterima antara 1–14 Julai, pelarasan diskauan bulan Julai akan dimasukkan ke bil Ogos

Pengumuman YAB Perdana Menteri pada Isnin, 28 Jun 2021, mengenai pemberian diskauan bil elektrik secara bersasar kepada pengguna di Semenanjung dalam Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dan perinciannya oleh YB Menteri Tenaga Dan Sumber Asli (KeTSA) dirujuk.

Secara keseluruhannya seramai 9.1 juta pelanggan domestik dan bukan domestik TNB di Semenanjung akan mendapat manfaat diskauan secara bersasar ini.

Pemberian diskauan antara lima hingga 40 peratus akan dinikmati 7.4 juta pengguna domestik manakala diskauan sebanyak 5% kepada pengguna-pengguna elektrik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah kategori tarif komersial, industri dan pertanian spesifik di bawah voltan rendah akan memberi manfaat kepada 1.6 juta pelanggan TNB.

Diskaun sebanyak 10% kepada pengguna elektrik dalam enam sektor perniagaan terpilih di bawah inisiatif PEMERKASA Plus pula melibatkan 11,800 pengguna. Enam sektor ini adalah pengendali hotel; agensi pengembalaan dan pelancongan; kompleks membeli-belah; pusat konvensyen; taman tema; dan pejabat syarikat penerbangan tempatan. Di bawah Pakej PEMULIH, kesemua enam sektor ini akan terus menerima 10% diskauan sehingga 31 Disember 2021, seperti yang dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri.

Selain diskauan di bawah Pakej PEMULIH, pengguna elektrik di Semenanjung akan terus menikmati rebat Pelepasan Kos Tidak Seimbang atau *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) sebanyak 2 sen/kWj dari bulan Julai hingga Disember 2021.

Untuk kedua-dua kategori pelanggan Domestik dan PKS, pengiraan Diskaun Bil Elektrik PEMULIH adalah berdasarkan jumlah penggunaan bulanan dari 1 Julai 2021 – 30 September 2021. TNB sedang mengambil langkah yang perlu bagi memastikan pelaksanaan diskauan ini berjalan dengan lancar. Sehubungan itu, pelanggan akan melihat diskauan ini tertera dalam bil elektrik mulai bil bertarikh 15 Julai 2021. Bagi pelanggan yang menerima bil bertarikh antara 1–14 Julai 2021, diskauan bulan Julai 2021 akan dimasukkan ke dalam bil bulan Ogos 2021.

Kadar Diskaun Bil Elektrik PEMULIH kepada pengguna domestik (Tarif A) di Semenanjung seperti yang diperincikan YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli adalah seperti berikut:

Penggunaan elektrik (kWj)	Penggunaan elektrik (RM)	Jumlah pengguna domestik	Diskaun Bil Elektrik PEMULIH
200 kWj dan ke bawah	RM43.60 dan ke bawah	2.9 juta	40%
201 kWj – 300 kWj	RM43.93-RM77.00	1.4 juta	15%
301 kWj – 600 kWj	RM77.52-RM231.80	2.4 juta	10%
601 kWj – 900 kWj	RM232.35-RM395.60	0.7 juta	5%

Pelanggan yang menerima bil sepanjang bulan Julai 2021 akan menikmati diskaun mengikut bilangan hari penggunaan dalam bulan Julai. Diskaun yang diberikan adalah selepas mengambil kira rebat ICPT. Diskaun akan mula dinikmati sepenuhnya dalam bil bulan Ogos dan September 2021.

Sebagai contoh, pelanggan yang menerima bil pada 11 Julai 2021 untuk jumlah penggunaan elektrik dari 12 Jun hingga 11 Julai 2021, Diskaun Bil Elektrik PEMULIH akan diberikan ke atas jumlah penggunaan dari 1–11 Julai 2021. Sekiranya jumlah penggunaan dalam 30 hari adalah 220 kWj, diskaun sebanyak 15% akan digunakan selepas rebat ICPT diambil kira. Oleh kerana tarikh bil adalah antara 1–14 Julai 2021, amanah diskaun ini akan dimasukkan ke dalam bil Ogos 2021.

TNB juga bekerjasama dengan Kerajaan meneruskan usaha membantu rakyat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini menerusi langkah-langkah berikut:

- (i) tiada pemotongan bekalan elektrik kepada semua pengguna sepanjang tempoh PKP 3.0 Fasa 1;
- (ii) penangguhan pemotongan bekalan elektrik kepada pengguna domestik yang mempunyai tunggakan bil tidak melebihi 6 bulan sehingga 30 September 2021; dan
- (iii) Pelan Bayaran Mudah untuk pengguna domestik ditawarkan sehingga 31 Disember 2021.

Untuk soalan lazim berkaitan Diskaun Bil Elektrik PEMULIH, sila layari www.tnb.com.my/mco/pemulih

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai bil boleh dibuat menerusi talian TNB CareLine 1-300-88-5454 atau e-mel tnbcareline@tnb.com.my.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 Julai 2021, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

Atau emel kami: media@tnb.com.my